Syarikat Yean Tat (M) Sdn Bhd v Ahli Bina Pamong Sari Sdn Bhd

MAHKAMAH TINGGI (SHAH ALAM) — SAMAN PEMULA NO 24–142–94
ABDUL WAHAB PATAIL PK
28 FEBRUARI 1995

Timbangtara *— Perjanjian — Perlantikan penimbangtara — Penimbangtara dari Kuala Lumpur Regional Centre for Arbitration — Sama ada timbangtara itu tetap satu timbangtara tempatan*

Timbangtara *— Award — Penguatkuasaan — Kegagalan defendan membuat pembayaran atas award — Sama ada award boleh dipersoalkan memandangkan bahawa terdapat persetujuan bahawa keputusan penimbangtara adalah muktamad — Akta Timbangtara 1952 ss 27 & 34*

Melalui satu perjanjian bertulis bertarikh 29 Jun 1992, plaintif serta defendan telah bersetuju untuk mengemukakan perkara-perkara tertentu yang dipertikaikan mengenai satu kerja pembinaan kepada penimbangtara dari Kuala Lumpur Regional Centre for Arbitration ('pusat tersebut'). Seorang penimbangtara kemudiannya telah dilantik untuk mendengar pertikaian yang timbul dan keputusannya telah dikeluarkan pada 20 Januari 1994. Selepas itu peguamcara plaintif telah menuntut pembayaran melalui surat bertarikh 15 Februari 1994. Namun demikian, defendan gagal mematuhi award tersebut dan gagal membuat apa-apa pembayaran. Oleh itu, plaintif telah memohon perintah untuk kebenaran melaksanakan award dalam timbangtara bertarikh 20 Januari 1994, seperti satu penghakiman. Pihak defendan telah membantah atas alasan bahawa: (a) terdapat beberapa kesalahan dalam award tersebut; dan (b) mengambil kira s 34 Akta Timbangtara 1952 ('Akta tersebut') tidak terdapat prosedur untuk menguatkuasakan satu timbangtara oleh pusat tersebut.

Diputuskan, menolak permohonan itu:

(1) Rujukan kepada s 34 Akta tersebut adalah pada asasnya salah kerana timbangtara ini bukanlah satu timbangtara antarabangsa tetapi adalah satu timbangtara di antara dua pihak tempatan. Walaupun mengikut perjanjian mereka telah bersetuju menggunakan pusat tersebut, ini tidak menukarkan bentuk timbangtara menjadi satu timbangtara antarabangsa; ianya tetap menjadi satu timbangtara mengikut perjanjian pihak-pihak tempatan (lihat ms 471G).

(2) Walaupun persetujuan di dalam perjanjian tersebut adalah bahawa keputusan penimbangtara adalah muktamad dan akan mengikat kedua-dua pihak, namun kesahan sesuatu award yang diputuskan oleh penimbangtara masih boleh dipersoalkan dalam satu permohonan untuk menguatkuasakan award tersebut. Oleh kerana defendan mendakwa bahawa terdapat beberapa kesalahan dalam award tersebut, kes ini harus dikembalikan kepada penimbangtara

(lihat ms 472B–E); *Mohamed Abdullah TPE Abdul Majeed v Habib Mohamed* [1986] 1 MLJ 526 dan *Societe Franco-Tunisienne D'Armement-Tunis v Government of Ceylon* [1959] 1 WLR 787 diikut.

[English summary

Through a written agreement dated 29 June 1992, both the plaintiff and defendant had agreed to submit certain disputed matters regarding a construction project to an arbitrator from the Kuala Lumpur Regional Centre for Arbitration ('the centre'). An arbitrator was later appointed to hear the dispute and his decision was issued on 20 January 1994. Following that the plaintiff's solicitors had demanded payment through a letter dated 15 February 1994. However, the defendant had failed to comply with the award and did not make any payments. The plaintiff therefore applied for an order of leave to execute the award in the arbitration dated 20 January 1994, as a judgment. The defendant objected on the basis that: (a) there were errors in the award; and (b) considering s 34 of the Arbitration Act 1952 ('the Act'), there was no procedure to enforce an arbitration of the centre.

Held, dismissing the application:

(1) The reference made to s 34 of the Act was incorrect as the arbitration was not an international one but an arbitration involving two local parties. Although according to the agreement they had agreed to engage the centre, that did not transform the nature of the arbitration into an international one; it still remained as an arbitration based on the agreement by local parties (see p 471G).

(2) Although it was agreed that the arbitrator's decision was final and binding on the parties, the validity of an award of an arbitrator could still be challenged at the time of the application to enforce the award. Since the defendant had alleged that there were errors in the award, the case should be remitted to the arbitrator (see p 472B–E); *Mohamed Abdullah TPE Abdul Majeed v Habib Mohamed* [1986] 1 MLJ 526 and *Societe Franco-Tunisienne D'Armement-Tunis v Government of Ceylon* [1959] 1 WLR 787 followed.]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai penguatkuasaan award, lihat 1 *Mallal's Digest* (4th Ed, 1995 Reissue) perenggan 742–747.

Kes-kes rujukan

PAM Shipping Ltd v MPC Holdings Sdn Bhd [1984] 2 CLJ 248
Mohammed Abdullah TPE Abdul Majeed v Habib Mohamed [1986] 1 MLJ 526

A *Societe Franco-Tunisienne D'Armament-Tunis v Government of Ceylon* [1959] 1 WLR 787

Undang-undang rujukan

Akta Timbangtara 1952 ss 27, 34

B

S Ravichandran (*Seah Balan Ravi & Co*) untuk pihak plaintif.
KG Tan (*SG Ong & Co*) untuk pihak defendan.

Abdul Wahab Patail PK: Plaintif, iaitu Syarikat Yean Tat (M) Sdn Bhd, dan defendan, iaitu Ahli Bina Pamong Sari Sdn Bhd, melalui satu perjanjian C bertulis bertarikh 29 Jun 1992, telah bersetuju mengemukakan perkara-perkara tertentu yang dipertikaikan mengenai pembinaan dan penyelesaian kerja-kerja infrastruktur di Seksyen 8 (Fasa 3) Shah Alam kepada penimbangtara yang akan dinamakan.

Pada 2 Mac 1993, En Oh Kong Yew dari Kuala Lumpur Regional D Centre for Arbitration ('pusat tersebut') telah dilantik sebagai penimbangtara untuk mendengar pertikaian yang telah timbul.

Keputusan penimbangtara telah dikeluarkan pada 20 Januari 1994, dan peguamcara plaintif telah menuntut pembayaran melalui surat bertarikh 15 Februari 1994. Walaupun begitu, defendan telah gagal mematuhi E award tersebut dan gagal membuat apa-apa pembayaran. Maka plaintif telah memohon perintah untuk kebenaran untuk melaksanakan award dalam timbangtara bertarikh 20 Januari 1994, seperti satu penghakiman.

Defendan telah membantah atas alasan bahawa adanya beberapa kesalahan dalam award tersebut, dan defendan juga telah merujuk kepada s 34 Akta Timbangtara 1952 ('Akta tersebut') dan berhujah bahawa F timbangtara pusat tersebut tidak mempunyai prosedur untuk dikuatkuasakan.

Setelah mengkaji saman, affidavit-affidavit dan hujah, mahkamah berpendapat bahawa rujukan kepada s 34 Akta tersebut adalah pada asasnya salah kerana timbangtara ini bukanlah satu timbangtara G antarabangsa, tetapi adalah satu timbangtara di antara dua pihak tempatan. Walaupun mengikut perjanjian mereka bersetuju menggunakan pusat tersebut, ini tidak menukarkan bentuk timbangtara menjadi satu timbangtara antarabangsa; ianya tetap menjadi satu timbangtara mengikut perjanjian oleh pihak-pihak tempatan.

H Permohonan untuk kebenaran untuk melaksanakan award dalam timbangtara merupakan satu permohonan di bawah s 27 Akta tersebut:

> An award on an arbitration agreement may, by leave of the High Court, be enforced in the same manner as a judgment or order to the same effect, and, where leave is so given, judgment may be entered in terms of the award.

I Selain daripada s 27 Akta tersebut, kes *PAM Shipping Ltd v MPC Holdings Sdn Bhd* [1984] 2 CLJ 248, dalam membincangkan keadaan di mana satu award timbangtara muktamad telah diberi di bawah Akta Timbangtara Amerika Syarikat, telah memutuskan bahawa:

The plaintiffs had not been attempting to enforce the award as a foreign judgment or at all, but had sought a judgment against the defendants in our courts, the cause of action being what was held out to be the final award of the American arbitrator. By common law and equity the aid of the court can be sought in this manner (*Bremer Oeltransport Gmbh v Drewry* [1933] 1 KB 753).

Dalam kes ini juga, persetujuan dalam perjanjian adalah bahawa keputusan penimbangtara adalah muktamad dan akan mengikat kedua-dua pihak. Walau bagaimanapun, mengikut *Mohammed Abdullah TPE Abdul Majeed v Habib Mohamed* [1986] 1 MLJ 526, mahkamah telah memutuskan bahawa:

(1) the validity of an award of an arbitrator can still be questioned at the stage of an application to enforce the award;

(2) the point of illegality affecting the validity of an award is a recognized ground for contesting the application for leave to enforce such an award. Even if it were not pleaded before the arbitrator or the High Court, it would be the duty of the court to take a point of illegality ... .

Kes itu adalah berdasarkan *Societe Franco-Tunisienne D'Armement-Tunis v Government of Ceylon* [1959] 1 WLR 787. Harus diperingati bahawa isu yang dibangkit adalah ketidaksahannya — iaitu sama ada terdapatnya unsur-unsur yang melanggar undang-undang ataupun keadaan di mana penimbangtara telah bertindak melebihi bidang kuasanya.

Oleh yang demikian, permohonan ini ditolak dengan kos, dan kes ini harus dikembalikan kepada penimbangtara berkenaan untuk menimbang semula keputusannya, khasnya award II dan IV.

Permohonan ditolak dengan kos, kes dikembalikan kepada penimbangtara.

Dilaporkan oleh Hanim Kamaruddin